



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988

DR.15/1988

D.R. 15/88

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KOKO
MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1988**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Keanggotaan Lembaga.
4. Tempoh jawatan.
5. Anggota silih ganti.
6. Perlantikan hendaklah diwartakan.
7. Penjalanan sementara fungsi-fungsi Pengerusi.
8. Fungsi-fungsi Lembaga.
9. Kuasa-kuasa Lembaga.
10. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.
11. Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan.
12. Rayuan kepada Menteri.
13. Kuasa Lembaga membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.
14. Menteri boleh memberi arahan.
15. Perlantikan Ketua Pengarah dan kakitangan lain Lembaga.
16. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.
17. Pengkhidmat awam.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

18. Kumpulan Wang Lembaga Koko Malaysia.
19. Kuasa meminjam wang.

Fasal

20. Kuasa melabur.
21. Pengecualian duti setem.

BAHAGIAN IV

SES

22. Ses ke atas koko.

BAHAGIAN V

AUDIT DAN LAPORAN TAHUNAN

23. Pengemukaan akaun, audit dan laporan tahunan.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN DAN PERALIHAN

24. Harta-harta dalam penemuan dan pembaikan.
25. Pindaan Akta 11.
26. Pindaan Akta 141.
27. Pengesahan tindakan yang dilakukan semasa Akta masih dalam jangkaan.
28. Kuasa Menteri untuk memberi pengecualian.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah terpakai ke seluruh Malaysia dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi Negeri-Negeri yang berlainan dalam Malaysia bagi mula berkuatkuasanya Akta ini atau peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anggota” ertinya anggota Lembaga, dan termasuklah anggota silih ganti;

“biji koko” ertinya biji koko *theobroma L* sama ada melalui proses penapaian atau pengeringan atau tidak dan termasuklah lenggai koko;

“kakitangan” ertinya pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga dan di mana konteksnya terpakai sedemikian, mana-mana pakar yang diambil kerja oleh Lembaga secara sementara;

“keluaran koko” ertinya keluaran-keluaran kilangan daripada biji koko yang termasuklah mentega koko, cecair koko, serbuk koko, pasta koko, coklat dan keluaran-keluaran lain yang dibuat daripada biji koko;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 15;

“koko” termasuklah tumbuhan koko *theobroma L*, biji koko dan keluaran koko;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Lembaga Koko Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 18;

“Lembaga” ertinya Lembaga Koko Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi industri koko;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 3;

“program-program diluluskan” ertinya program-program yang diluluskan oleh Lembaga.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Keanggotaan
Lembaga.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan di bawah Akta ini suatu pertubuhan perbadanan bernama Lembaga Koko Malaysia yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan kuasa untuk memperolehi dan memegang, melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih dan harta tak alih dan yang boleh mendakwa atau didakwa atas nama perbadanannya.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi industri koko;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan;
- (d) seorang wakil Kementerian Pertanian;
- (e) seorang wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (f) lima orang mewakili industri koko;
- (g) tidak lebih daripada enam orang mewakili kepentingan-kepentingan lain dalam industri koko atau Kerajaan Persekutuan atau kepentingan Negeri-Negeri.

(3) Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya dan melaksanakan tugas-tugasnya mengikut Jadual Pertama.

4. Anggota-anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam surat perlantikan mereka dan adalah layak dilantik semula. Tempoh jawatan.

5. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) subseksyen (2) seksyen 3, melantik seorang menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat-mesyuarat Lembaga sekiranya anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa jua sebab. Anggota silih ganti.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau jawatannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti

daripada menjadi seorang anggota silih ganti jika anggota yang baginya dia menjadi anggota silih ganti itu tidak lagi menjadi anggota Lembaga.

Perlantikan
hendaklah
diwartakan.

6. Perlantikan tiap-tiap anggota dan anggota silih ganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Penjalanan
sementara
fungsi-fungsi
Pengerusi.

7. (1) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi oleh kerana apa-apa jua sebab tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi; dan anggota sedemikian hendaklah, selama tempoh yang dia menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi di bawah subseksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

(2) Sehingga suatu perlantikan dibuat di bawah subseksyen (1) atau jika tiada perlantikan sedemikian dibuat, anggota yang dilantik di bawah perenggan (b) subseksyen (2) seksyen 3 hendaklah menjalankan fungsi-fungsi dan disifatkan sebagai Pengerusi Lembaga.

Fungsi-fungsi
Lembaga.

8. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- (a) menjalankan dan menggalakkan penyelidikan ke atas pengeluaran, pemprosesan, penstoran, pengangkutan, pemasaran, penggunaan dan pemakaian koko dan keluaran koko;
- (b) menjamin, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan industri koko memerlukan sedemikian, pemajuan dan pengeksploitasian apa-apa hasil penyelidikan, yang didapati oleh Lembaga belum dimajukan dan dieksploitasikan atau belum dimajukan atau dieksploitasikan dengan sepenuhnya;

- (c) memperolehi, memegang, melupuskan atau memberi hak-hak berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga atau, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan industri koko memerlukan sedemikian, berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dilakukan oleh mana-mana orang atau organisasi;
- (d) mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi semua penyelidikan dan pembangunan organisasi-organisasi yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian besarnya dari Kumpulan Wang;
- (e) memastikan bahawa Lembaga sentiasa dimaklumkan dengan sepenuhnya mengenai aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi yang relevan semua penyelidikan dan pembangunan organisasi-organisasi yang dibiayai sebahagiannya oleh Kumpulan Wang;
- (f) mengumpul, menyatukan dan menyebarkan maklumat yang berhubungan dengan koko dan keluaran koko dan gantian lain bagi keluaran koko dan untuk menggalakkan pemakaian koko dan keluaran koko yang bersaing dengan bahan-bahan lain atau pelengkap kepadanya;
- (g) menyelaraskan aktiviti-aktiviti di dalam Malaysia yang berhubungan dengan penyelidikan, pembangunan, publisiti dan perkara-perkara lain yang melibatkan industri koko serta mengadakan hubungan dengan badan-badan di luar Malaysia yang mempunyai kaitan dengan perkara-perkara tersebut;
- (h) menyediakan khidmat perunding di mana sesuai atau perlu;
- (i) menyelaraskan aktiviti-aktiviti dengan tujuan untuk mendapatkan pemasaran yang cekap bagi biji koko dan keluaran koko dari Malaysia;

- (j) mengawalselia dan memperbaiki cara penstoran dan pengapalan koko dan keluaran koko;
- (k) memajukan langkah-langkah ke arah mencapai kualiti yang tinggi untuk koko dan keluaran koko dan termasuklah membantu menetapkan standard-standard dan penubuhan suatu sistem penggredan yang cekap;
- (l) mengawalselia pemprosesan, penggredan, pembungkusan dan pengeksportan koko termasuk pemerakuan baginya;
- (m) mengawalselia dan menyelaraskan perjalanan yang sempurna dalam pengeluaran, pemprosesan, penstoran, pengangkutan dan pemasaran koko dan keluaran koko;
- (n) menimbang, menggalak dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berlakunya dan merebaknya penyakit-penyakit yang melibatkan koko;
- (o) pada amnya untuk melakukan apa-apa jua perkara untuk kebaikan dan perjalanan yang sempurna bagi industri koko dan untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Kuasa-kuasa
Lembaga.

9. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bermanfaat atau bersampingan dengan, penjalanan fungsi-fungsinya, khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang berikut;

- (a) menubuh dan mengendalikan mana-mana institusi dan establismen di mana-mana tempat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga untuk menunaikan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;

- (b) mengadakan apa-apa rundingan dan perkiraan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk menggalakkan kepentingan umum akan industri koko;
- (c) menerima sebagai balasan bagi khidmat-khidmat yang diberikan olehnya apa-apa komisen atau bayaran sebagaimana yang dipersetujui;
- (d) mengenakan apa-apa fee atau caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsinya;
- (e) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa, yang boleh terdiri daripada atau termasuk orang-orang yang bukan anggota Lembaga untuk menasihati atau membantu Lembaga atas apa-apa perkara berhubungan dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya sebagaimana yang difikirkannya patut; dan Lembaga boleh mewakilkan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan batasan sebagaimana yang dikenakan, mana-mana kuasa dan fungsinya (kecuali kuasa membuat peraturan-peraturan dan meminjam wang) sebagaimana yang difikirkannya patut, kepada mana-mana jawatankuasa sedemikian dan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa tersebut menurut perwakilan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai tindakan atau keputusan Lembaga.

10. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, suatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang dinyatakan dalam

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

perintah itu, untuk melaksanakan, dan menjaga, mengelola dan menguruskan bagi pihak Lembaga apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh Lembaga dalam menunaikan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, dan boleh dengan cara yang sama mengkenselkan, mengubah atau meminda mana-mana perintah sedemikian.

(2) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan—

- (a) keanggotaan perbadanan;
- (b) pembiayaan perbadanan;
- (c) pembayaran balik pinjaman yang dibuat kepada perbadanan; dan
- (d) akaun yang akan disimpan oleh perbadanan dan audit akaun itu.

(3) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

(4) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang menetapkan apa-apa aktiviti atau kepentingan atau yang menetapkan terma-terma atau syarat-syarat apa-apa aktiviti atau kepentingan mana-mana anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga berhubungan dengan perbadanan dan apa-apa peninggalan atau kecuaian dari mematuhi dan apa-apa tindakan yang dilakukan atau cuba dilakukan yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu adalah suatu kesalahan terhadap Akta ini dan pesalah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

11. Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan tujuan-tujuan dan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan sempurna dan berkesan, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan perkara-perkara yang tersebut di atas, peraturan-peraturan sedemikian boleh—

Kuasa
Menteri
membuat
peraturan-
peraturan.

- (a) menghendaki supaya didaftarkan dan dilesenkan orang-orang yang berkenaan dengan apa-apa atau segala aktiviti yang termasuk ke dalam skop fungsi-fungsi Lembaga;
- (b) mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pendaftaran dan pelesenan termasuk cara memohon pendaftaran dan lesen-lesen, fee yang perlu dibayar untuk lesen-lesen, pengenaan atau pengubahan syarat-syarat dan sekatan-sekatan ke atas lesen-lesen, dan pembatalan atau penggantungan lesen-lesen itu;
- (c) mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan rayuan;
- (d) mengawalselia apa-apa atau segala aktiviti yang termasuk dalam skop fungsi-fungsi Lembaga dengan apa-apa cara selain daripada atau sebagai tambahan kepada pendaftaran dan pelesenan;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai amalan-amalan yang dikehendaki diikuti atau dielakkan di dalam industri koko;
- (f) mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran kontrak-kontrak jualan termasuk butir-butir kontrak sedemikian yang berhubungan dengan pengeksportan koko dan keluaran koko;

- (g) bagi maksud memastikan bahawa mutu koko yang akan dieksportkan adalah pada standard yang ditentukan dan untuk mencegah fraud berkaitan dengannya, mengadakan pengawalan dan penyeliaan standard sedemikian termasuk menetapkan tanda-tanda untuk dicapkan atau selainnya diterakan pada koko yang dibungkus untuk eksport;
- (h) menetapkan fee yang dikenakan berkenaan dengan apa-apa penyelidikan, penyiasatan, ujian, nasihat atau khidmat-khidmat lain yang Lembaga diminta menjalankan, menyediakan atau melaksanakannya di bawah peraturan-peraturan tersebut;
- (i) menetapkan penalti bagi pelanggaran peruntukan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini dengan penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Rayuan
kepada
Menteri.

12. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Lembaga mengeluarkan atau membaharui, atau dengan pembatalan atau penggantungan oleh Lembaga akan suatu lesen yang dikehendaki di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau dengan pengenaan atau pengubahan syarat-syarat ke atas lesen tersebut boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya, secara bertulis merayu kepada Menteri, yang mana keputusannya adalah muktamad dan konklusif.

(2) Dalam memberi keputusannya ke atas sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Lembaga.

13. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menunaikan fungsi-fungsinya dengan berkesan di bawah seksyen 8, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan sedemikian boleh—

Kuasa Lembaga membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

- (a) menetapkan prosedur bagi pentadbiran Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Bahagian III Akta ini;
- (b) mengadakan peruntukan mengenai kelakuan dan disiplin kakitangan termasuk peruntukan-peruntukan bagi surcaj;
- (c) menetapkan skim dan juga terma-terma dan syarat-syarat pinjaman yang dibuat kepada kakitangan di bawah subseksyen (3) (c) seksyen 18;
- (d) menetapkan perkara-perkara yang berhubungan dengan penubuhan sesuatu perbadanan di bawah seksyen 10.

14. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, bila-bila masa sahaja menurut budi bicaranya didapatinya perlu berbuat demikian, memberi arahan-arahan kepada Lembaga yang pada pandangannya sesuai dan suaimanfaat yang berhubungan dengan Akta ini, dan Lembaga hendaklah mematuhi arahan-arahan sedemikian.

Menteri boleh memberi arahan.

15. (1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri seorang Ketua Pengarah Lembaga atau seseorang dengan apa-apa nama jawatan lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Menteri atas apa-apa terma dan syarat dan bagi apa-apa tempoh yang ditentukannya.

Perlantikan Ketua Pengarah dan kakitangan lain Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik beberapa orang kakitangan Lembaga yang lain termasuk Merinyu Koko yang difikirkan perlu dan suaimanfaat oleh Lembaga.

(3) Perlantikan Ketua Pengarah dan Merinyu-Merinyu Koko hendaklah disiarkan di dalam *Warta*.

(4) Lembaga tidak boleh menubuhkan atau mengubahsuai apa-apa jawatan atau skim perkhidmatan untuk pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga, termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji, apa-apa skim pencen, dan apa-apa skim yang berhubungan dengan elaun dan saraan lain, tanpa mendapat kelulusan Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kuasa-kuasa
dan tugas-
tugas Ketua
Pengarah.

16. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Lembaga dan hendaklah, selain daripada mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dinyatakan dalam subseksyen (2) atau yang difikirkan oleh Lembaga patut diberikan kepadanya atau dipertanggungkan ke atasnya, mempunyai segala kuasa dan tugas yang perlu bagi menjalankan pentadbiran Lembaga.

(2) Ketua Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan untuk kelulusan Lembaga—

(i) program-program tahunan tentang aktiviti-aktiviti Lembaga;

(ii) anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan yang perlu bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Lembaga;

(b) memastikan bahawa program-program diluluskan adalah dilaksanakan dengan sepatutnya dan bahawa perbelanjaan bagi menjalankan program-program diluluskan adalah selaras dengan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga;

(c) sentiasa memaklumkan Lembaga dengan sepenuhnya akan kemajuan aktiviti-aktivitinya.

(3) Jika Ketua Pengarah tidak dapat buat sementara menjalankan fungsi-fungsinya oleh sebab sakit, tidak ada atau apa-apa sebab lain, Lembaga boleh melantik seorang anggota kakitangan untuk menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.

17. Pada menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi rasminya, Ketua Pengarah dan kakitangan hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Pengkhidmat
awam.
N.M.B.
Bab 45.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

18. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dan disenggarakan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Lembaga Koko Malaysia yang hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga.

Kumpulan
Wang
Lembaga
Koko
Malaysia.

(2) Yang berikut hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang:

- (a) apa-apa pemberian yang dibuat kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- (b) semua wang yang dipungut di bawah seksyen 22;
- (c) semua wang yang dipungut di bawah mana-mana kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, selain daripada dendaan;
- (d) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 19;
- (e) semua wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa pelaburan di bawah seksyen 20 atau daripada apa-apa harta, gadaijanji, cagaran atau debentur; dan
- (f) wang yang diterima daripada sumber-sumber lain termasuk komisen dan fee kerana nasihat atau khidmat yang diberi menurut perenggan (c) dan (d) seksyen 9, atau fee atau royalti yang dikenakan menurut subseksyen (2) seksyen 24.

(3) Kumpulan Wang boleh digunakan untuk—

- (a) membayar perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam mentadbirkan Kumpulan Wang itu;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam menjalankan tugas-tugasnya dan melaksanakan kuasa-kuasanya di bawah Akta, termasuk saraan, dan di mana relevan, sumbangan mengenai pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Ketua Pengarah dan kakitangan;
- (c) memberi pinjaman perumahan atau pinjaman untuk membeli kenderaan bagi Ketua Pengarah dan kakitangan, atas apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan;
- (d) membuat sumbangan dengan cara bayaran yuran atau derma kepada mana-mana organisasi yang diiktiraf, sama ada tempatan atau antarabangsa, yang menggalakkan penyelidikan yang relevan ke atas koko;
- (e) membayar balik apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 19; dan
- (f) membayar apa-apa perbelanjaan lain yang difikirkan oleh Lembaga bersampingan dengan fungsi-fungsinya.

Kuasa meminjam wang.

19. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud-maksud menjalankan fungsi-fungsinya.

Kuasa melabur.

20. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melabur Kumpulan Wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya, yang tidak diperlukan dengan segera untuk memenuhi obligasi-obligasinya atau menjalankan fungsi-fungsinya, dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada ketika ini dibenarkan untuk pelaburan kumpulan wang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

21. Lembaga hendaklah dikecualikan daripada apa-apa bayaran yang berhubungan dengan duti setem yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Pengecualian duti setem.

BAHAGIAN IV

SES

22. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat perintah-perintah berkenaan dengan pengenaan, pengubahan atau pengkenselan ses ke atas koko; dan perintah-perintah itu boleh menyatakan jenis, amaun dan kadar dan cara pemungutan ses itu. Ses ke atas koko.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam mana-mana perintah tersebut, ses itu hendaklah disifatkan bagi maksud pemungutan dan penguatkuasaan pemungutannya, sebagai duti kastam yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967. Akta 235.

(3) Tiap-tiap perintah itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah dibentangkan di hadapan tiap-tiap Dewan Parlimen dengan seberapa segera yang praktik selepas penyiaran perintah sedemikian dalam *Warta*.

BAHAGIAN V

AUDIT DAN LAPORAN TAHUNAN

23. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai berkenaan dengan akaun, audit dan laporan tahunan Lembaga. Pengemukaan akaun, audit dan laporan tahunan.
Akta 240.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN DAN PERALIHAN

24. (1) Harta dalam tiap-tiap penemuan atau suatu pembaikan pada mana-mana proses atau radas oleh Ketua Pengarah, mana-mana anggota kakitangan atau mana-mana pakar yang diambil kerja oleh Lembaga, dalam menjalankan tugas-tugas rasminya atau dalam tempoh pegawai atau orang berkenaan itu sedang bekerja dengan Lembaga atau berada dalam perkhidmatan Lembaga, hendaklah terletak pada Harta-harta dalam penemuan dan pembaikan.

Lembaga, tetapi Lembaga boleh memberi hadiah kepada pegawai atau orang berkenaan kerana penemuan atau pembaikan itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menyebabkan tersedia apa-apa penemuan atau pembaikan yang terletak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1), kepada mana-mana badan atau orang tertakluk kepada apa-apa syarat dan kepada bayaran apa-apa fee atau royalti jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Pindaan
Akta 11.

25. Akta Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “getah dan kelapa sawit” dalam seksyen 3 (a) dengan perkataan-perkataan “getah, kelapa sawit dan koko kecuali tentang penyelidikan ke atas tanaman selangan koko dengan kelapa dan kopi oleh pekebun-pekebun kecil”.

Pindaan
Akta 141.

26. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dan tembakau” dalam tafsiran “hasil pertanian” dalam seksyen 1A dengan perkataan-perkataan “, tembakau dan koko kecuali bahawa dalam hal koko peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan subseksyen 2 (d), (e), (h), (i), (j), (k), (l) dan (m) seksyen 3 hendaklah terpakai”.

Pengesahan
tindakan
yang dilaku-
kan semasa
Akta masih
dalam
jangkaan.

27. (1) Semua tindakan dan perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang yang dalam persediaan untuk atau dalam jangkaan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berhubungan dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat tindakan-tindakan dan perkara-perkara yang dilakukan itu adalah tidak berlawanan dengan niat dan maksud am Akta ini dan semua hak dan obligasi yang diperolehi atau ditanggung akibat dari melakukan tindakan-tindakan atau perkara-perkara itu, termasuk apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berhubungan dengannya hendaklah disifatkan sebagai hak-hak dan obligasi-obligasi Lembaga.

(2) Bagi mengelakkan keraguan adalah diisytiharkan bahawa subseksyen (1) tidak membenarkan perlantikan anggota-anggota, pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga kecuali setakat membenarkan perlantikan sementara orang-orang sedemikian sehingga perlantikan-perlantikan yang sebenar dibuat di bawah Akta ini.

28. Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang melalui pemberitahuan dalam *Warta* daripada mana-mana peruntukan Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya sesuai dikenakan.

Kuasa
Menteri
untuk
memberi
pengecualian.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 3 (3))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN BERKENAAN
DENGAN LEMBAGA

1. Lembaga hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya empat kali mesyuarat dalam setiap tahun.

2. Lembaga hendaklah juga bermesyuarat pada masa lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengerusi atau atas permintaan mana-mana enam anggota.

3. (1) Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, enam anggota hendaklah membentuk suatu kuorum.

(2) Keputusan-keputusan Lembaga hendaklah diambil dengan majoriti biasa oleh anggota-anggota yang hadir dan mengundi.

(3) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyaknya, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus selain daripada undi biasanya.

4. (1) Anggota Lembaga yang—

- (a) pada tiga kali mesyuarat Lembaga berturut-turut, tanpa sebab yang munasabah atau kebenaran bertulis Pengerusi, telah tidak menghadiri juga tidak diwakili oleh anggota silih ganti, jika ada, yang dilantik mengenai anggota itu;
- (b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tak sempurna akal;
- (c) telah menjadi bankrap atau membuat perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya; atau

(d) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak,

hendaklah berhenti daripada memegang jawatan.

(2) Peruntukan-peruntukan subperenggan (1) perenggan ini, selain daripada subperenggan (1) (a), hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi seorang anggota silih ganti.

5. Tiada anggota Lembaga boleh menanggung liabiliti persendirian atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan dalam mentadbirkan hal-ehwal Lembaga melainkan jika kerugian atau kerosakan itu dilakukan dengan sengaja atau melalui kelalaian atau kecuaiian melampau.

6. Pengerusi dan anggota-anggota Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

7. Meterai Lembaga hendaklah dicapkan di hadapan Pengerusi dan seorang anggota lain yang akan menandatangani tiap-tiap suratikatan atau dokumen lain atau suratcara yang padanya meterai itu dicapkan dan penandatanganan sedemikian hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa meterai itu telah dicapkan dengan wajar dan sempurna dan bahawa meterai itu adalah meterai Lembaga yang sah.

8. Tertakluk kepada perenggan 1, 2, 3 dan 4, Lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 10 (3))

Kuasa Lembaga membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan.

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh mana-mana perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 10, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu menentukan—

- (a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusannya; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak-hak pengawalannya ke atas perbadanan itu.

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan yang Lembaga itu telah ditubuhkan atau sebagai memberi kepada mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak-hak, kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini. Kecualian.

3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 sesuatu perbadanan hendaklah terikat kepada perbadanan yang berkenaan dengannya ia telah dibuat dan hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah ia telah diperbuat dalam Akta ini. Peraturan-peraturan tertakluk kepada Akta.

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat berkenaan mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1 dan seksyen 34 Akta Tafsiran 1967 hendaklah terpakai bagi mana-mana peraturan-peraturan yang dipinda atau dibatalkan itu seolah-olah peraturan-peraturan itu adalah undang-undang bertulis. Pindaan bagi peraturan-peraturan. 23/67.

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 10 dan daftar itu bersama dengan salinan segala peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh orang awam di suatu tempat atau mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya. Daftar perbadanan.

6. (1) Lembaga boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan. Penggulungan.
 - (2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah dipindah dan diletakhak pada Lembaga setelah dijelaskan segala liabiliti.
 - (3) Penggulangan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan dengan apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 10 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberi oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu, dan bagi maksud Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan.

melaksanakan projek pembangunan berdaftar yang kerananya ia telah ditubuhkan ia boleh mengikat kontrak dan boleh memegang dan berniaga atau membuat apa-apa urusan berkenaan dengan harta alih atau harta tak alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan, yang tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap satu halnya.

Meterai
biasa
perbadanan.

8. Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi sesuatu tanda mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan dengan persetujuan Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh perbadanan dengan persetujuan Lembaga, sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan Lembaga Koko Malaysia untuk memberi tumpuan negara dan pendekatan yang lebih teratur dan bersama bagi memperkukuhkan penyelidikan dan kemajuan dan sebagai suatu tunjang untuk pemprosesan dan penggalakan pemasaran. Lembaga juga akan menjalankan pendaftaran dan pelesenan untuk mewujudkan perjalanan yang lebih teratur dan kemajuan dalam industri koko.

2. Bahagian I menyentuh perkara-perkara permulaan termasuk keluasan, pemakaian dan pentafsiran Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II menubuhkan Lembaga Koko Malaysia dan mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan, perlantikan, kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya, menyatakan kuasa-kuasa Menteri dan mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah dan kakitangan Lembaga yang lain.

4. *Fasal 3* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri melantik anggota-anggota Lembaga dengan peruntukan nyata bagi lima anggota mewakili industri koko.

5. *Fasal 8* menyenaraikan fungsi-fungsi Lembaga yang termasuk menjalankan dan menggalakkan penyelidikan ke atas semua aspek koko daripada pembakaan, corak penanaman, kawalan penyakit dan penyelidikan guna-akhir; menggalakkan kemajuan pasaran dengan membuat dan mengambil penilaian ekonomi, menubuhkan perkhidmatan nasihat teknikal dan mengawalselia

penstoran dan pengapalan koko dan keluaran koko; menyelaraskan dan mengawalselia pendaftaran dan pelesenan aktiviti-aktiviti membungkus, menggred dan mengeksport koko; kawalan mutu dan menetapkan standard-standard dan menguatkuasakan keperluan-keperluan pendaftaran dan pelesenan.

6. Untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi ini dapat dilaksanakan dengan berkesan *fasal 9* dan *10* Rang Undang-Undang ini memberi Lembaga kuasa-kuasa untuk mengadakan perundingan dan perkiraan, menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa dan perbadanan. Lembaga juga diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dengan kelulusan Menteri. Lembaga akan menjalankan kuasa-kuasanya selaras dengan objektif-objektif dan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang telah dinyatakan.

7. Menteri adalah diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan di bawah *fasal 11* dan dalam *fasal 14* Menteri boleh memberi arahan-arahan atas perkara-perkara yang berhubungan dengan Rang Undang-Undang ini kepada Lembaga jika pada pandangannya sesuai dan bermanfaat untuk berbuat demikian. Proses membuat rayuan kepada Menteri oleh orang-orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Lembaga yang berhubungan dengan lesen ada diperuntukkan dalam *Fasal 12*.

8. Peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah dan kakitangan Lembaga ada dinyatakan dalam *fasal 15* manakala *fasal 16* menyenaraikan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.

9. Bahagian III menyatakan peruntukan-peruntukan kewangan. *Fasal 18* memperuntukkan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Lembaga Koko yang akan ditadbirkan oleh Lembaga dan ses, pemberian-pemberian, pinjaman-pinjaman, pelaburan-pelaburan dan wang yang dipungut daripada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang dicadangkan itu akan dibayar ke dalam Kumpulan Wang ini. Kumpulan Wang itu boleh digunakan untuk membayar perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung dalam menguruskan Lembaga termasuk memberi pinjaman perumahan dan pinjaman untuk membeli kenderaan kepada pekerja-pekerja Lembaga. *Fasal 19* dan *20* memberi kuasa kepada Lembaga untuk meminjam dan melabur.

10. Bahagian IV menyatakan cara pengenalan, pengubahan atau pembatalan perintah-perintah ke atas ses.

11. Bahagian V adalah berhubungan dengan audit dan laporan tahunan Lembaga.

12. Bahagian VI menyatakan peruntukan-peruntukan tambahan dan peralihan. *Fasal 24* memastikan bahawa harta dalam apa-apa penemuan atau pembaikan pada apa-apa proses atau radas oleh Ketua Pengarah atau kakitangan Lembaga hendaklah terletaklah pada Lembaga.

13. *Fasal 25* dan *26* bertujuan membuat pindaan-pindaan yang berbangkit kepada Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 dan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 disebabkan beberapa fungsi dan tanggungjawab mengenai penyelidikan dan kemajuan ke atas koko yang dijalankan oleh MARDI dan FAMA akan diambilalih oleh Lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1292.]

